

07 APR 2003

Mohamed-P/raja

MOHAMED INGATKAN ANGGOTA PARTI BN BERSEDIA HADAPI P/RAYA

GEMAS, 7 April (Bernama) -- Setiausaha Agung Barisan Nasional Tan Sri Mohamed Rahmat hari ini mengingatkan semua anggota parti BN supaya bersedia menghadapi pilihan raya umum yang dijangka diadakan pada bila-bila masa walaupun boleh dilaksanakan sehingga 2005.

Bagaimanapun beliau yakin BN tiada masalah jika pilihan raya umum diadakan dalam masa terdekat kerana ia sudah menyiapkan kedudukan di semua peringkat.

"Saya fikir, bukan saya nak cakap besarlah, adalah mustahil bagi pembangkang menjatuhkan kerajaan ini kerana rakyat tahu tentang tanggungjawab kerajaan yang ada di bawah BN, faedah yang telah diperolehi daripada sokongan padu mereka selama ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mohamed berkata BN yakin rakyat akan terus menyokongnya dengan memberi mandat untuk lima tahun lagi tetapi para pemimpin dan anggota di semua peringkat diharapkan jangan cepat berpuashati atau ambil mudah pilihan raya umum itu.

Setiap daripada komponen parti BN mesti kerja kuat untuk menjamin kemenangan calon-calonnya, katanya.

"Selain itu saya berharap tidak ada pecah belah. Ini kerana pada setiap kali pilihan raya soal jadi calon ini...semua orang merebut hendak jadi calon...lobi macam-macam, buat memorandum macam-macam," katanya.

Mohamed mendedahkan bahawa beliau sudahpun menerima beberapa memorandum yang antara isi kandungannya ada yang cuba menonjolkan diri, memburukkan orang lain dan menimbulkan fitnah mengenai orang lain atau wakil rakyat tertentu.

Beliau berkata setiap anggota parti ada hak untuk menjadi calon bagaimanapun BN ada tapisannya sendiri.

"Oleh itu saya harap janganlah adakan soal perebutan calon ini. Parti telah memilih calon selama sembilan pilihan raya umum. Kita ada kriteria yang sempurna untuk memilih calon sebab itu kita tidak banyak kalah.

"Keseluruhannya mereka yang kita pilih untuk menjadi calon BN, benar-benar diterima oleh rakyat jelata dan tetap menjalankan tugas dan tanggungjawabnya," katanya.

"Selain itu saya berharap tidak ada pecah belah. Ini kerana pada setiap kali pilihan raya soal jadi calon ini...semua orang merebut hendak jadi calon...lobi macam-macam, buat memorandum macam-macam," katanya.

Mohamed mendedahkan bahawa beliau sudahpun menerima beberapa memorandum yang antara isi kandungannya ada yang cuba menonjolkan diri, memburukkan orang lain dan menimbulkan fitnah mengenai orang lain atau wakil rakyat tertentu.

Beliau berkata setiap anggota parti ada hak untuk menjadi calon bagaimanapun BN ada tapisannya sendiri.

"Oleh itu saya harap janganlah adakan soal perebutan calon ini. Parti telah memilih calon selama sembilan pilihan raya umum. Kita ada kriteria yang sempurna untuk memilih calon sebab itu kita tidak banyak kalah.

"Keseluruhannya mereka yang kita pilih untuk menjadi calon BN, benar-benar diterima oleh rakyat jelata dan tetap menjalankan tugas dan tanggungjawabnya," katanya.

Mohamed juga berharap parti komponen BN tidak memberi tekanan dari segi pengagihan kerusi.

"Tidak payahlah lobi dalam akhbar yang saya patut dapat lebih atau anda

patut dapat kurang. Selama ini kita mempunyai formula tersendiri dalam penagihan kerusi dan formula ini telah diterima oleh semua parti komponen BN," katanya.

Mengenai kemelut kepimpinan yang melanda MCA sekarang yang mungkin menggugat kemenangan BN pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata MCA mesti menyelesaikan masalah itu segera.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah pun adakan pelan damai manakala Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga telah meminta pihak terbabit menyelesaikan masalah ini," katanya.

Beliau berharap ada tolak ansur dalam MCA kerana peranan parti itu dalam pilihan raya besar dan sebagai parti kedua terbesar selepas Umno, peranan MCA penting dalam menentukan kemenangan BN pada pilihan raya.

"Saya ingin mengingatkan kepada kepimpinan MCA iaitu pada pilihan raya umum tahun 1969, pada masa itu juga berlaku rebutan kuasa dalam MCA sehingga menyebabkan banyak calon MCA kalah.

"Sejarah 1969 seharusnya menjadi pengajaran kepada mereka... Mereka seharusnya terlebih dahulu ingat kepada parti, kerajaan dan negara demi kebaikan semua," katanya.

-- BERNAMA

RP RON